

22/02/1997

Kemusnahan tahap minimum

GENTING HIGHLANDS, Jumaat - Pembangunan di kawasan hutan dan tanah tinggi di negara ini akan diteruskan tetapi bukan secara fanatik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyediakan peraturan ketat bagi memastikan kemusnahan alam sekitar pada tahap paling minimum di kawasan terbabit kerana rakyat berhak menikmati keindahan dan udara sejuk di tanah tinggi.

Menurutnya, walaupun lebuhraya akan dibina menghubungkan beberapa kawasan tanah tinggi - Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands - kerajaan akan memastikan kemusnahan alam sekitar di tahap minimum.

Beliau bagaimanapun kesal kerana ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahu menghalang rakyat untuk menikmati keindahan alam di negaranya sendiri. Aktivis alam sekitar turut menentang penerokaan hutan walaupun ia bertujuan membina kawasan kediaman baru dan menanam pokok makanan.

"Kita perlu ada wang kerana ia baik tetapi harus dibelanjakan secara bijaksana. Kita mahu memajukan kawasan tanah tinggi tetapi ia dilaksanakan dengan kemusnahan paling sedikit."

"Kita tidak fanatik dengan pembangunan. Kita tidak menebang pokok dan meneres bukit sesuka hati. Pada masa yang sama, kita juga tidak fanatik kepada alam sekitar. Kita tahu kita perlu korbankan sesuatu untuk mendapatkan sesuatu yang lain," katanya.

Perdana Menteri berucap merasmikan sistem kereta monokabel Genting Skyway di sini, petang ini. Projek berharga RM128 juta dianggap termoden dan terpanjang di dunia. Laluannya kira-kira 3.88 kilometer adalah yang terpanjang di Asia Tenggara.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hadir sama beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi Kumpulan Syarikat Genting, Tan Sri Lim Goh Tong.

Beliau menyifatkan pembangunan di Genting satu contoh kemusnahan alam sekitar yang tidak dapat dielakkan tetapi pada tahap minimum.

"Dengan sedikit kemusnahan, rakyat berpeluang menikmati keindahan alam dan kesegaran udara di tanah tinggi seperti iklim di negara sejuk. Dasar kerajaan ialah rakyat mesti diberi peluang untuk menikmati keindahan negaranya sendiri."

"Untuk itu, kita perlu menyediakan laluan seperti jalan raya, kereta api dan kereta kabel. Oleh itu, kita perlu menebang sedikit pokok hutan dan meneres bukit menuju ke puncak bukit."

"Jika tidak ada laluan itu, kita tidak boleh menikmati keindahannya. Ini adalah satu keadaan yang tidak bermakna sama sekali kepada rakyat negara ini. Mereka perlu ke sana dalam keadaan selamat dan selesa," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemimpin NGO yang mengkritik secara melulu penerokaan hutan dan tanah tinggi di negara ini sebenarnya turut menebang pokok untuk membina rumah masing-masing.

Beliau meminta NGO terbabit jangan terlalu fanatik tetapi bersikap lebih sederhana dalam mengkritik isu alam sekitar.

"Mereka tidak boleh meminta kita supaya jangan menebang sebatang pokok pun ketika menyediakan kawasan kediaman sedangkan kita tahu mereka sebenarnya menebang pokok ketika membina bangunan atau rumah masing-masing."

"Kata mereka, kita patut tinggal dalam pondok di atas pokok kerana

itulah cara asal kita. Ini adalah suatu pandangan yang fanatik." katanya.

Menurut Dr Mahathir, hutan perlu dibersihkan manakala bukit diteres untuk membina kemudahan seperti jalan raya serta menyalurkan kemudahan asas lain.

Di majlis itu, Dr Mahathir dan isteri menaiki kereta kabel ke tempat perasmian Hotel Highlands dan penyerahan stesen bomba dan menyelamatkan kepada kerajaan.

Hotel Highlands dibina dengan kos RM439 juta dan mempunyai 888 bilik. Ia bergabung dengan Hotel Genting, Resort Genting, Hotel Theme Park dan Hotel Awana Tower bagi menyediakan 4,817 bilik untuk kemudahan penginapan.

Genting World Resort Berhad menyerahkan dua kenderaan bomba berharga RM8 juta yang juga sesuai digunakan di kawasan lurah bukit.

(END)